

BAB 3 : PERKEMBANGAN SEKOLAH HENRY GURNEY, TELOK MAS, MELAKA 1950 – 1990

Menurut O.V. Garratt dalam laporannya menulis bahawa mendiang Sir Henry Gurney seorang yang berminat dalam kerja-kerja amal yang bersangkutan dengan pemulihan juvana. Beliau telah menyarankan supaya sebuah institusi khas ditubuhkan berdasarkan sistem 'Borstal' di negara ini. Akhirnya sekolah ini dirasmi pada 19hb. Julai, 1950 dan dinamakan "Henry Gurney School".¹⁰⁰

Manakala juvana yang dikategorikan sebagai ganas dan sukar dikawal, akan ditahan terlebih dahulu di Penjara Pusat Muar sebelum dimasukkan ke dalam Penjara Bandar Hilir iaitu Sekolah Henry Gurney II. Seperti yang dibincangkan di peringkat awal, bahawa sistem 'Borstal' jenis tertutup amat perlu untuk menahan juvana yang agresif. Cara begini amat sesuai dijalankan pada mereka supaya mereka akan sedar dan insaf. Para Juvana yang agresif dan ganas perlu dipulih dengan dua cara, iaitu melalui nasihat tetapi jika berdegil juga, cara 'kekerasan' digunakan kemudian diikuti dengan nasihat.¹⁰¹ Di sini mereka lebih banyak terkurung di dalam sel - sel mengikut kesalahan mereka. Mereka diberi kerja - kerja yang berat dan makanan yang terkawal. Dengan kata lain, layanan kepada mereka hampir serupa dengan layanan pada banduan. Setelah dilihat dan dinilai perubahan tingkahlaku, barulah dibenarkan bekerja di bengkel rotan dan kayu. Di situ juga mereka yang dianggap "baik" digalakkan belajar membaca, mengira dan menulis.¹⁰²

100. O.V. Garratt, Report of The Prisons Department In The Federation of Malaya For The Years 1951 – 1952, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 31.

101. Temubual dengan En. Azaari bin Asaad, pesara warder Bandar Hilir (1964 – 2000) bertarikh 15.12.2003 di Taman Cempaka, Peringgit, Melaka.

102. O.V. Garratt, Report of The Prison Department, 1951 – 1952, m.s. 21.

Memang tidak dinafi bahawa kebanyakan juvana ini buta huruf, tidak mendapat pendidikan terutama pada tahun 1950 an dan 1960 an. Ini adalah kerana pendidikan pada zaman itu, masih kurang lagi dan keluarga tidak mampu kerana kemiskinan. Juvana ini diberi layanan yang sama seperti juvana dalam sistem 'Borstal' terbuka di Telok Mas. Mereka boleh menonton filem yang ditayang tiap-tiap minggu dan juga bersukan jenis tertutup seperti bola tampar, badminton, pingpong, sepak takraw dan bola keranjang. Semua permainan diadakan dalam penjara. Kawalan ke hospital dan mahkamah, digunakan gari berbanding sistem 'Borstal' terbuka. Di situ juga terdapat sebuah persatuan yang akan membantu juvana mencari pekerjaan bila hendak dibebaskan. Kebanyakan mereka bekerja sebagai penoreh getah di ladang-ladang getah. Kemudian pada 1962 barulah penjara tertutup bagi juvana dipindahkan ke Penjara Bandar Hilir Melaka seperti yang dibincangkan tadi.

Jelaslah di sini bahawa cara dan bentuk tahanan yang dikenakan kepada juvana bawah 21 tahun sejak dahulu masih ada hingga sekarang. Hanya terdapat beberapa perubahan sedikit diadakan seperti yang terdapat di Sekolah Henry Gurney "Terbuka" di Telok Mas, Melaka. Parti Komunis Malaya (PKM) telah mempengaruhi dan melibatkan remaja terutama daripada kelas malam yang benar-benar mendapat sambutan. Penyerapan ideologi komunis melalui remaja Cina amat cepat dan mudah sekali. Remaja Cina telah memberi sokongan yang kuat pada gerakan ini. Ini telah membimbangkan British memandangkan jumlah kanak-kanak yang terlibat melanggar undang-undang dharurat berjumlah 173 orang pada tahun 1951 – 1952. Dalam masa yang sama tahanan muda atau "Youth Offenders" yang terlibat dalam penggunaan candu dan dadah semakin meningkat.

Peningkatan kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah ialah kerana faktor ekonomi, sosial dan politik. Desakan hidup menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan keadaan ketika itu. Dalam masa yang sama faktor kawan dan juga didorong oleh golongan-golongan dewasa yang memperalatkan mereka. Apatah lagi mereka kekurangan latar belakang pendidikan, baik pendidikan sekular atau pendidikan pondok ketika itu.¹⁰³ Peluang-peluang pekerjaan ketika itu masih kurang lagi, hanya di ladang-ladang getah dan lombong bijih timah. Itu pun industri perlombongan semakin kurang kerana tiada lagi bekalan bijih timah. Kepentingan sekolah ini sebagai institusi pemulihan kian terserlah pada tahun 1960 an. Kesalahan bersangkutan dengan harta benda seperti mencuri, merompak dan sebagainya menduduki tahap tertinggi. (Lihat Jadual 2 di muka surat 60).



Gambar 3.1: Pemandangan pintu kedua dan pos kawalan S.H.G. Telok Mas, yang sedang dikawal oleh seorang warder. Pintu ini diguna untuk keluar masuk kakitangan yang hendak bersukan bersama para juvana di padang.
Sumber: Pejabat Rekod, S.H.G. Telok Mas, Melaka.

103. O.V. Garratt, Report On The Prison, 1951 - 1952, m.s. 13.

Jual 2 : Data kemasukan Penghuni Penjara Bagi Persekutuan Tanah Melayu 1948-1954

Year	No. Committed for Debt, on temand and Imprisonment						Length of Sentences of those sentenced to Imprisonment						Previous Conditions			
	Total Number of persons Committed During The Year	Emergency	For safe custody	For Imprisonment	Banishes	For Imprisonment or detention at A.A.S or H.G.S	18 months over 12 months	Less than 18 months	6 months less than	3 months and less than 3 months	1 month and less than 3 months	Under 1 month	Other	Twice	Thrice	Daily average on person
Year 1948 Boys Girls	1062	541	10	231			3	15	15	13	111	7	4	3	48.94 15.7	0
Year 1949 Boys Girls	1198	54	222	922			28	24	5	61	261	231	321	61	1	711
Year 1950 A.S.T.M. D	131 640 27	30 27 16	131	101 483 11			99 53 3	2 32 4	88 2				20	4	3	129 290 4
Year 1952 A.S.T.M. D Girls	197 533 38	9		178 7	3	197 353 31	197 59 22	55	36 1	100	70	53	3648	279	29	344 387 21
Year 1954 A.S.T.M. D Girls	187 789 43	30 6		245 11	3	157 488 29	22 16	36	148 1	116 8	134 3	72 1	89	24	23	

- Petunjuk : 1. A.A.S.T.M Advance Approved School, Telok Mas Melaka
 2. Y.O Young Offender
 3. H.G.S Henry Gurney School

Sumber : Report The Prison Of The Federation Of Malaysia, 1953-1954
Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.

Dari apa yang dapat kita lihat dalam Jadual 2, jelaslah peluang-peluang pekerjaan masih kurang lagi. Lebih-lebih lagi pula Perang Dunia Kedua baru tamat dan dalam masa yang sama banyak negara-negara yang dijajah sedang berjuang menuntut kemerdekaan dari negara kolonial. Jadi memang tidak dapat dinafikan lagi, aktiviti-aktiviti negatif yang disenaraikan dalam Jadual 2 menjadi tumpuan. Faktor kemiskinan merupakan sebab utama berlakunya kes-kes tersebut. Seterusnya penglibatan remaja wanita juga kelihatan walaupun jumlahnya tidak ramai. Namun begitu peningkatan tetap berlaku dari tahun 1948 hinggalah 1954. Kebanyakan dari mereka terlibat dalam pelacuran terutamanya dari kaum Cina.¹⁰⁴

Kepentingan Sekolah Henry Gurney sebagai pusat pemulihan akhlak remaja kian menonjol dalam tahun 1960 an. Masalah sosial kian meningkat seperti pelacuran, ketagihan arak, candu, todi, kecurian, rompakan dan lain-lain lagi ketika itu. Ini boleh dilihat dalam Jadual 3 (m.s. 62) yang menunjukkan sebanyak 1 059 kes yang melibatkan harta benda pada tahun 1963 mencapai ke angka 1 312 kes enam tahun kemudian.¹⁰⁵ Kes trafik sebanyak 2 164 kes dari 1963 hingga 1971. Berikutnya pada 1970, sebanyak 194 kes judi dilakukan oleh kanak - kanak. Begitu juga jenayah yang berkaitan dengan orang lain sebanyak 923 kes, kesalahan jantina sebanyak 125 kes, undang - undang kecil perbandaran sebanyak 537 kes, ordinan tahanan 286 kes, dan kesalahan dengan kastam serta eksais sebanyak 192 kes.¹⁰⁶ Jumlah kesemua kes jenayah yang dilakukan oleh pesalah juvana dari tahun 1963 – 1971 ialah 17 026 kes.

104. Azmah Abdul Manaf, Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2001, m.s. 96.

105. Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Am, Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press, 1980, m.s. 30.

106. bid.

JADUAL 3 : Jenis Kesalahan Yang dilakukan oleh Juvana ¹⁰⁷

Jenis kesalahan	1963	1964	1966	1968	1969	1970	1971	Jumlah
Harta benda	1059	1368	1324	1418	1323	1449	1312	9253
Orang	135	159	131	123	164	110	101	923
Jantina	16	15	17	16	20	24	17	125
Judi	130	82	124	96	116	194	186	928
Trafik	342	350	267	275	331	285	314	2164
Undang – Undang kecil Perbandaran	165	118	170	42	15	18	9	537
Ordinan Tahanan	27	36	53	9	97	40	24	286
Kastam dan Eksais	21	34	32	16	28	33	28	192
Lain – lain	339	373	284	455	558	357	282	2648
Jumlah	2234	2535	2402	2450	2652	2510	2273	17026

Sehubungan dengan ini, seramai 4 867 orang penghuni dimasukkan dari tahun 1963 hingga 1982. Antaranya, bangsa Melayu seramai 1 895 orang, bangsa Cina seramai 1 904 orang, 1045 orang bangsa India dan Serani serta lain-lain bangsa 23 orang. Lihat Jadual 4. ¹⁰⁸ (lihat m.s. 63) Kemasukan juvana Melayu amat tinggi dari tahun 1974 hingga 1979. Ini disebabkan orang - orang Melayu semakin terdedah kepada arus kemodenan dan menerima unsur - unsur Barat. Kepincangan keluarga seperti perceraian ibu bapa, kemiskinan dan kelonggaran hidup kemasyarakatan seharian, merupa faktor utama menyumbang kepada peningkatan jenayah juvana ini. Pertambahan ini juga disebabkan penglibatan belia - belia Melayu dalam penagihan

107. Pejabat Rekod, Sekolah Hendry Gurney, Telok Mas, Melaka.

108. Ibid.

dan penjualan dadah. Selain dari itu, terdapat juga kesalahan dari segi pergaduhan, mencederakan orang lain, memukul dan membunuh telah mula melibatkan remaja-remaja Melayu. Malah remaja Melayu juga turut terlibat dalam budaya kuning, lari dari rumah dan mengandung tanpa menikah.

Jadual 4: Jadual kemasukan penghuni, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. ¹⁰⁹

Tahun	M	C	I/S	L2	Jumlah
1963	64	75	45	-	184
1964	86	96	39	-	221
1965	101	89	49	2	200
1967	58	94	55	2	207
1968	70	112	54	1	237
1969	44	85	38	2	169
1970	67	66	78	1	212
1971	56	69	58	1	185
1972	68	58	58	-	182
1973	66	68	52	-	186
1974	90	88	64	1	243
1975	109	86	45	1	241
1976	167	145	61	1	374
1977	128	121	64	3	316
1978	180	136	63	4	383
1979	146	130	43	2	321
1980	111	135	57	-	304
1981	126	133	46	-	305
1982	158	118	76	2	354

Petunjuk : M = Melayu C = Cina I/S = India/Serani L = Lain-lain

109. Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka

Dalam Jadual 5 di sebelah, didapati kebanyakan masalah juvana datang dari negeri - negeri di mana pembangunan begitu maju. Hal ini berlaku di bandar - bandar besar terutama di negeri - negeri pantai barat Semenanjung seperti Pulau Pinang, Selangor, Johor, Melaka, Perak dan Negeri Sembilan. Ini adalah kerana kesan perbandaran dan mobiliti sosial yang cepat meningkat menyebabkan kanak - kanak mudah terjebak dalam jenayah. ¹¹⁰

Manakala di Pulau Pinang, Perak dan Selangor, jumlah keseluruhan kes sebanyak 2 827. Ketiga - tiga negeri ini menunjukkan kadar jenayah yang dilakukan oleh kanak - kanak di bawah 21 tahun amat tinggi. Proses urbanisasi telah mendorong remaja melakukan jenayah terutama di bandar - bandar seperti Kuala Lumpur, Seremban, Pulau Pinang dan Melaka. Ini amat berbeza dengan kadar jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak di negeri Perlis, Kedah dan negeri di pantai timur. Perlis dalam masa 9 tahun (1963 - 1971) cuma 104 kes yang direkodkan. Begitu juga Kelantan berjumlah 161 kes. ¹¹¹

Di negeri - negeri kurang maju, ramai juvana melakukan kes - kes seperti mencuri lembu, kerbau dan kambing untuk diseludup ke sempadan, pecah rumah dan terlalu nakal hingga tidak dapat dikawal. Perlu dijelaskan juga bahawa terdapat kanak - kanak yang dihantar ke sekolah ini tidak terlibat dengan jenayah. Oleh kerana terlalu nakal hingga sukar ibu bapa hendak mendidik, mereka dihantar ke sini untuk dikawal serta diberi pendidikan agar tidak mudah terpengaruh dengan budaya negatif.

110. Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1976, m.s. 175.

111. *Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Am*, Kuala Lumpur, Solai Press, 1980

Jadual 5: Menunjukkan Bilangan Kes Yang Berlaku Mengikut Negeri Antara
Tahun 1963 – 1971.¹¹²

Negeri	1963	1964	1965	1966	1967	1968	1969	1970	1971	Jumlah
Perlis	13	23	12	9	10	13	14	16	29	139
Kedah	57	61	64	66	68	61	65	60	73	575
Pulau Pinang	129	98	109	112	125	140	138	134	150	1135
Perak	131	160	163	167	175	161	151	169	173	1450
Selangor	139	200	217	215	230	248	244	280	237	2010
N. Sembilan	41	35	37	26	30	32	26	57	73	357
Melaka	57	51	58	36	42	47	40	58	63	452
Johor	100	86	78	51	70	77	69	55	52	638
Pahang	49	35	31	26	30	31	36	42	44	326
Terengganu	25	21	18	16	15	14	18	22	15	164
Kelantan	30	36	24	26	22	20	25	24	20	227
Jumlah	771	806	811	750	817	844	826	919	929	7473

112. Sumber : Dari Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Am, Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press.

Walau bagaimanapun sejak 1980 an perkara ini tidak dipraktikkan lagi kerana kesemua kanak-kanak yang datang adalah mereka yang telah melakukan kesalahan jenayah. Oleh itu mereka perlu dihukum dan dipulihkan. Apa yang jelas di sini iaitu masalah jenayah amat kurang berlaku di kawasan luar bandar khususnya di negeri - negeri yang belum berapa maju lagi. Ini disebabkan pengaruh sekitaran khususnya perbandaran dan didorong faktor kebendaan.¹¹³ Kanak - kanak Melayu yang dihantar ke sekolah ini kian meningkat bilangannya khususnya bagi mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Ini dituruti oleh bangsa Cina yang mana gabungan dari keduanya merupakan golongan majoriti di sekolah ini.

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, penyakit atau masalah juvana ini merupakan suatu masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri di mana pembangunan infrastrukturnya begitu maju. Di sinilah juga terdapatnya bandar - bandar besar yang menjadi tumpuan masyarakat berbilang kaum menjalankan aktiviti ekonomi mereka. Kenyataan ini terbukti kebenarannya jika kita melihat Jadual 5 di muka surat 65. Dari apa yang direkodkan sepanjang enam tahun, bermula dari tahun 1963 sehingga tahun 1971 di dapati negeri-negeri pantai barat di Semenanjung yang juga merupakan negeri termaju dan mempunyai bandar besar seperti Pulau Pinang, Perak dan Selangor adalah negeri yang jumlah kes bersangkutan dengan salah asuhan begitu tinggi sekali. Negeri-negeri ini juga mempunyai bilangan imigran yang tertinggi sekali sejak sebelum merdeka lagi. Corak kehidupan yang kian mencabar khususnya di bandar besar telah menyebabkan kanak-kanak di sini senang terjerumus ke kancah penyakit salah asuhan.

113. Temubual dengan Dato' Ibrahim, bekas Ketua Pengarah Penjara Malaysia (1982 - 1990) pada 3hb. December, 2003, di Cheras, Selangor.

Jika kita membuat perbandingan dengan negeri-negeri yang kurang maju seperti Perlis, Kedah dan negeri-negeri di pantai timur Semenanjung kita akan dapati bahawa setiap negeri ini menunjukkan angka yang kecil sekali. Perlis misalnya, dalam masa lapan tahun, 1963 sehingga tahun 1971, cuma 104 kes sahaja yang direkodkan. Begitulah juga halnya dengan Kelantan dalam mana sejumlah 161 kes yang bersangkutan dengan salah asuhan telah dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan selanjutnya.

Sehubungan dengan itu juga, peluang pekerjaan masih kurang. Hanya sektor pertanian diberi tumpuan. Apatah lagi telah berlaku peristiwa 13 Mei, 1969 yang mana di ketahui umum faktor jurang ekonomi menjadi punca pergaduhan tersebut. Oleh yang demikian kemiskinan yang tinggi secara tidak langsung dan langsung tidak memberi peluang remaja meneruskan alam persekolahan. Mereka tercicir dan terus terlibat dalam jenayah.

Justeru itu dengan peningkatan di dalam bilangan penghuni yang dihantar ke sini maka sekolah ini telah menggubal satu bentuk undang-undang tubuhnya yang tersendiri. Undang-undang ini dibuat dengan tujuan mengawal setiap pergerakan Kanak-kanak serta menentukan yang mereka ini benar-benar terdidik di samping mendisiplinkan diri. Undang-undang ini ialah ;¹¹⁴

1. Jangan lari atau cuba melarikan diri.
2. Jangan melawan atau mencari lawan.

114. Carta ini dipetik dari papan undang – undang yang terdapat di pejabat rekod yang juga merupakan pejabat penerimaan di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

3. Jangan mencuri atau bercakap bohong.
4. Mestilah rajin menjalankan kerja.
5. Menghormati pegawai-pegawai penjara
6. Jangan menghisap atau memiliki rokok.
7. Mengikut segala peraturan sekolah.

Undang-undang ini telah dikuat kuasakan pada 1hb. Mei, 1965 hinggalah sekarang.¹¹⁵ Setiap penghuni dimestikan mentaati segala peraturan ini bagi kebajikan mereka sendiri dan dapat membentuk disiplin dan sahsiah diri yang baik. Setiap kesalahan misalnya akan didenda seperti dikurangkan 'keistimewaan' seperti turun melawat bandar atau dikenakan hukuman yang lebih berat lagi. (keterangan lebih lanjut di muka surat 83 dan 84) Bagi juvana yang degil misalnya seperti melarikan diri, mereka ini akan dihantar ke Sekolah Henry Gurney Kedua di Bandar Hilir di mana mereka dikenakan kawalan yang maksima.

Seterusnya bagi melaksanakan undang-undang ini, pegawai-pegawai penjara dari orang tempatan telah dilantik untuk berkhidmat di pusat pemulihan ini. Ini bertujuan dapat mendekatkan lagi pesalah juvana berdamping dan bermesra dengan pegawai tempatan yang memahami sosio-budaya mereka. Ini kerana kebanyakan pegawai Inggeris kurang memahami latar belakang juvana. Keadaan dirumitkan lagi oleh masalah komunikasi yang mana kebanyakan juvana tidak memahami bahasa Inggeris dan tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang baik. Antara pegawai tempatan yang terawal ialah Dato' Murad bin Arshad dan Mr. Victor Francis Rozario yang mana kedua mereka ini telah menjawat jawatan penguasa di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas kemudiannya.¹¹⁶

115. Abdul Ghani Salleh, Panduan Penjara, m.s. 216.

116. O.V. Garratt, opcit, m.s. 33.

Keperluan pusat pemulihan Juvana semakin meningkat bila memasuki era 80 an iaitu berlakunya peningkatan kemasukan juvana ke pusat ini. Ini jelas dapat dilihat dalam Jadual 6.

Jadual 6: Menunjukkan Bilangan serta Jenis Kesalahan yang telah dilakukan oleh Juvana antara 1983 – 1990. ¹¹⁷

Jenis Kesalahan	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990
Harta Benda	1501	1710	1690	1830	1985	2008	2185	2200
Orang Rogol & Bunuh	19	23	15	19	14	21	18	22
Judi	208	185	211	230	170	154	176	210
Trafik	610	530	512	605	618	385	478	492
Ordinan Tahanan	24	20	18	15	17	16	12	18
Kastam & Eksais	21	20	15	12	18	24	25	29
Dadah	175	208	218	216	310	318	301	347
Lain – Lain	85	98	16	12	18	17	24	25
Jumlah	2643	2794	2695	2939	3150	2943	3219	3343

Jadual Bilangan Serta Jenis-jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh pesalah juvana dan kesalahan ini terbukti bagi Semenanjung Malaysia.

117. Laporan Tahunan Kementerian Kebajikan Am, Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press, m.s. 15. dan Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Apa yang dapat dirumus dari jadual 6 tadi, jelaslah berlaku peningkatan jenayah di kalangan remaja khususnya di era tahun 80 an dan penghujung 90 an. Ini boleh dilihat dalam jenayah harta benda di mana berlaku peningkatan yang tinggi dari tahun 1983 hinggalah pada 1990. Begitu juga jenayah-jenayah seperti rogol, judi, trafik, ordinaran tahanan, dadah dan lain-lain, hampir semua berlaku peningkatan. Mengapa terjadi sedemikian? Adakah hukuman yang di beri terlalu ringan atau mereka berada dalam keadaan yang selesa dan menyeronokkan bilamana menjalani pemulihan? Atau mungkin pengaruh di luar yang telah menyumbang kepada peningkatan jenayah.

Memang tidak dapat dinafikan terdapat beberapa faktor yang mendorong remaja melakukan jenayah. Antaranya ialah ;

- a. **Kemiskinan** - Keadaan rumah yang sempit dan mempunyai adik beradik yang ramai menyebabkan remaja lebih suka melepak di luar rumah. Ini juga berpunca daripada tekanan kepada mereka yang mempunyai nilai kebendaan dan mencari keperluan asas.
- b. **Pendidikan** - Kegagalan dalam pendidikan dan kurang pendidikan agama merupakan faktor yang mendorong mereka ke arah gejala sosial.
- c. **Penyalah gunaan dadah** - Ramai remaja terjebak dengan penagihan dadah dan arak. Ini kerana kurangnya perhatian ibu bapa, cara mendisiplin anak, pengawasan serta kasih sayang yang kurang. Ibu bapa terlalu sibuk mencari kemewahan.
- d. **Perceraian** - anak-anak terbiar, takut, tertekan dan rasa bersalah. ¹¹⁸

118. Aminah binti Hj. Noh, Persoalan Remaja, Masa Kini, Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur, 1992, m.s. 15.

Sehubungan dengan itu juga, berlaku dari segi peningkatan kaum terutama kaum Melayu, diikuti Cina dan India. (Lihat Jadual 7). Kaum Melayu sudah kita ketahui kerap dikaitkan dengan dadah dan pecah rumah. Faktor ini amat berkait rapat antara satu sama lain.

Jadual 7: Kemasukan Penghuni, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. ¹¹⁹

Tahun	M	C	I/S	Jumlah
1983	176	131	70	377
1984	190	141	102	433
1985	205	157	203	565
1986	240	135	175	550
1987	257	142	110	509
1988	270	95	110	475
1989	245	43	90	378
1990	265	130	99	494

Petunjuk : M = Melayu

C = Cina

I/S = India/Serani

L2 = Lain – lain

119. Mohd. Reduan Hj. Aslie, P.D.R.M., Sejarah, Peranan dan Cabaran, Karangraf Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 1984, m.s. 115 dan Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Bilamana juvana dihantar ke Sekolah Henry Gurney yang berkait dengan pecah rumah, sudah pasti ia berkaitan juga dengan permasalahan dadah. Pihak kerajaan dan agensi swasta telah bersungguh-sungguh mengatasi atau mengurangi permasalahan ini tetapi masih di tahap buntu.¹²⁰ Statistik terbaru menunjukkan jumlah penagih dadah terkumpul yang direkodkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan sejak tahun 1998 hingga tahun 2002 adalah 235,495 orang.¹²¹ Jadi sudah pasti terdapat penglibatan remaja.

Apa yang dapat dilihat di sini, permasalahan dadah terus berleluasa hinggalah ke hari ini. Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) yang menganggap kewujudan suku juta penagih dadah di negara ini sekarang sebagai 'bom jangka' yang boleh mencetuskan pelbagai masalah jenayah kepada rakyat. Di tegaskan lagi bahawa hampir 70 peratus daripadanya membabit orang Melayu.¹²² Jadi diharap semua pihak seperti ibubapa, kaum cerdik pandai, pihak polis, penjara dan semua lapisan rakyat benar-benar serius menanganinya. Menurut Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Bakri Omar menyarankan agar polis dan semua agensi berkaitan diminta menumpukan usaha pada langkah - langkah pencegahan, penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan kerana ia merupakan tiga strategi utama.¹²³

120. Utusan Malaysia, 29 Januari, 2004.

121. Utusan Malaysia, 23 Januari, 2004.

122. Utusan Malaysia, 23 Januari, 2004.

123. Ibid.